

## **Perbandingan fonem konsonan bahasa Perancis dan bahasa Melayu**

### **ABSTRACT**

Bahasa Perancis adalah salah satu bahasa utama dunia daripada rumpun bahasa Latin manakala bahasa Melayu merupakan bahasa pertuturan bagi penduduk Malaynesia yang juga dikenali sebagai bahasa lingua franca di alam Melayu. Tujuan kajian adalah untuk meneliti fonem konsonan di antara kedua-dua bahasa tersebut. Perbezaan rumpun bahasa sudah tentunya memperlihatkan perbezaan dan persamaan kandungan gugus konsonan dalam pembentukan mofem. Bahasa Perancis tidak mempunyai bunyi sebutan hentian glotis /ʔ/ dan /r/ konsonan getaran bersuara manakala bunyi getaran dari langit lembut /R/ tidak terdapat dalam sebutan Melayu. Kajian ini berobjektif untuk menyenaraikan, menganalisis dan mengenal pasti perbezaan dan persamaan elemen konsonantik di antara bahasa Perancis dan bahasa Melayu. Kaedah kajian berbentuk kajian kepustakaan dengan merujuk bahan-bahan bertulis dan juga dokumen-dokumen yang berkaitan. Di antara hasil kajian menunjukkan terdapat empat belas fonem konsonan yang identik dimiliki oleh bahasa Perancis dan bahasa Melayu. Terdapat juga pola gugus konsonan hadir secara berpasangan dalam pembinaan leksis tersebut. Kepentingan kajian ini akan memudahkan pembelajaran dan penyebutan bunyi-bunyi konsonan bagi kedua-dua bahasa tersebut dengan sebutan yang betul.